

**SUBBUDAYA KUMPULAN MAT REMPLIT:  
INTERPRETASI PENGGUNAAN BAHASA DI KALANGAN AHLI  
KUMPULAN**

*(Mat Rempit Subculture: Interpretation The Use of Language Among Group Members)*

Muhamad Fuad Abdul Karim & Mohamad Fauzi Sukimi

**ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan kajian aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit dan sub-budaya bahasa yang digunakan dalam interaksi mereka di Negeri Melaka. Permasalahan kajian mengkhusus kepada aktiviti dan interpretasi amalan sub-budaya bahasa di kalangan mereka. Pengkaji telah memilih tujuh orang informan menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan kaedah *judgemental* dalam satu kerja lapangan di Ayer Keroh, Melaka. Informan yang dipilih adalah Mat Rempit iaitu lelaki Melayu lingkungan umur 16 hingga 26 tahun. Kesemua informan ditemubual secara mendalam. Kajian bertujuan memperihai aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit dan menginterpretasi elemen-elemen sub-budaya bahasa yang diamalkan oleh mereka. Kajian mendapati sub-budaya bahasa dibentuk dalam cara dan kaedah yang pelbagai. Bahasa tersebut mempunyai maksud tersurat dan tersirat dalam mewujudkan nilai keakraban dan rasa selamat semasa menjalankan aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit.

**Kata kunci:** subbudaya, bahasa, devian, penyelesaian kolektif, identiti sosial.

**ABSTRACT**

The article discusses activities of the Mat Rempit members and the language subculture used in their interaction in Melaka. The research problem focus on the activities and language subculture practice interpretation among them. The researcher have selected seven informants using purposive sampling and judgmental method in a study field in Ayer Keroh, Melaka. The informants selected are Mat Rempit, who are Malay male between 16 to 26 years old. All informants were interviewed using in depth interview method. The research's objectives are to elaborate the Mat Rempit member's activities and to interpret the language subculture elements practiced by them. The research found that the language subculture produced posses various creation method of words and having explicit and implicit meaning in creating the value of intimacy and security in conducting the Mat Rempit group's activities.

**Keywords:** subculture, language, deviance, collective solution, social identity.

## **PENDAHULUAN**

Golongan muda adalah aset bernilai sesebuah masyarakat dan negara. Setiap negara melihat golongan muda sebagai sebahagian kelompok dalam masyarakat yang memainkan peranan-peranan penting meliputi pelbagai aspek seperti pembangunan modal insan, sumber manusia dan tenaga kerja, pelajar, pakar dalam pelbagai bidang, aktiviti kesukarelawanan, pemimpin masa depan dan sebagainya. Peringkat pentingnya peranan golongan muda dalam masyarakat dan negara, kerajaan Malaysia telah mewujudkan program-program khusus golongan muda sebagai golongan sasaran utama. Program-program yang dirancang sebagai contoh melalui Perbadanan Usahawan Nasional Berhad di bawah skim Siswazah Perantis yang memberikan ruang dan peluang kepada golongan muda untuk memperolehi ilmu dan kemahiran bagi melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Data bancian penduduk menunjukkan golongan muda adalah komposisi penduduk teramai di Malaysia dan keperhatian kerajaan Malaysia amat diperlukan bagi memastikan golongan ini mendapat perhatian dan bimbingan sebaiknya bagi menjamin kepentingan negara dalam pelbagai sektor dan bidang. Laporan bancian Penyiasatan Antara Banci (dilakukan setiap lima tahun bermula 2015) menunjukkan golongan muda di Malaysia adalah seramai 13,880,000 orang di mana mewakili 45.8% keseluruhan penduduk Malaysia seramai 30,260,000 orang penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia 2015).

Golongan muda acapkali terdedah dengan cabaran dan tuntutan kehidupan. Hal ini secara tidak langsung memberi peluang kepada tingkah laku devian. Malaysia yang pesat membangun bersama proses urbanisasi terancang sebenarnya mempengaruhi golongan muda seperti golongan muda Melayu secara langsung terlibat dalam tingkah laku devian (HanXiao@Indah 2011). Tingkah laku devian merupakan tingkah laku berkonflik atau menyeleweng dari nilai, norma, peraturan, dan undang-undang sosial yang ditetapkan dan dipersetujui bersama oleh majoriti ahli masyarakat serta suatu sindrom ketidakaturan kelakuan yang berkaitan rapat dengan aktiviti jenayah (Siti Hajar Abu Bakar Ah & Haris Abdul Wahab 2005). Jenis-jenis tingkah laku devian adalah seperti penyalahgunaan dadah, lepak, lumba haram, berjudi, geng samseng, kesalahan jalan raya dan sebagainya. Tingkah laku devian golongan muda di Malaysia bukan sahaja popular di media massa malah pihak kerajaan seperti isu berkaitan penglibatan golongan muda dengan aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit contohnya lumba haram yang begitu dominan dengan aktiviti Mat Rempit dan perlakuan seks bebas (Rokiah Ismail et al. 2010). Tingkah laku devian melalui subbudaya yang dihasilkan dan kesannya berlaku di setiap negara di dunia termasuk Malaysia. Sebagai contoh seperti subbudaya *punk*, *heavy metal*, *skin head*, *k-pop*, *hippies*, *drift* dan sebagainya. Perkara ini memberi kesan terhadap aspek seharian seperti bahasa yang digunakan dalam percakapan dan perbualan, gaya berpakaian, jenis dan alat-alat musik, cara berfikir, pilihan makanan, penggunaan bahasa tertentu, gaya rambut, lokasi berkumpul dan sebagainya.

Penglibatan golongan muda dalam tingkah laku devian memberi peluang terciptanya suatu budaya dalam kalangan mereka yang diistilahkan sebagai subbudaya. Subbudaya adalah suatu elemen masyarakat memiliki secara bersama *mores*, *folkways* dan nilai yang membezakan ahli-ahli kumpulan daripada corak keseluruhan amalan sesebuah masyarakat (Schaefer 2011). Subbudaya dipamerkan melalui bahasa khusus kumpulan, norma-norma, nilai-nilai dan isbat sosial positif dan negatif bagi mengawal norma sosial dipersetujui kumpulan (Macionis 2012; Schaefer 2011) dan mengamalkan sesuatu subbudaya dalam suatu jangkamasa yang lama atau sepanjang kehidupan (Williams 2011).

Kajian ini memfokus kepada isu subbudaya dalam konteks golongan muda yang terlibat tingkah laku devian sebagai ahli kumpulan Mat Rempit. Isu subbudaya dalam kajian ini merujuk kepada subbudaya bahasa yang dipraktikkan. Kumpulan Mat Rempit mempunyai bahasa atau istilah yang dicipta dan digunakan dalam interaksi dalam kalangan ahli-ahli kumpulan. Bahasa-bahasa yang digunakan difahami umum atau hanya boleh difahami dalam ruang lingkup aktiviti mereka. Terdapat juga istilah atau bahasa yang digunakan difahami oleh sesetengah kumpulan Mat Rempit tetapi tidak diketahui atau difahami oleh kumpulan Mat Rempit yang lain. Hal ini disebabkan kaedah penciptaan bahasa disebabkan beberapa faktor seperti lokaliti dan kekerapan penglibatan dalam aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit. Pemilikan subbudaya bahasa membuatkan perbualan dan interaksi dalam kalangan ahli kumpulan Mat Rempit menjadi eksklusif dan menzahirkan kerahsiaan dalam setiap aktiviti mereka. Elemen ini memberi nilai keselamatan secara tidak langsung dalam melakukan aktiviti kumpulan Mat Rempit. Bahasa khusus yang digunakan melambangkan keunikan kumpulan Mat Rempit sebagai sebuah kumpulan sosial dalam masyarakat. Secara langsungnya kewujudan subbudaya tersebut memberikan makna dan identiti kepada golongan muda hasil tingkah laku kolektif dalam membezakan diri mereka dengan masyarakat di arus perdana.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Mat Rempit adalah seorang individu lelaki yang terlibat dengan aktiviti menggunakan motosikal secara berkumpulan untuk kegiatan lumba haram atau melakukan aksi merbahaya dan kegiatan dalam lingkungan mereka sendiri iaitu kumpulan Mat Rempit (Hussin 2013; Hussin & Ahmad 2017; Muhamad Fuad Abdul Karim et al. 2009; Rokiah Ismail et al. 2010; Wong 2011, 2012). Mat Rempit juga dilihat berasal daripada perkataan ‘himpit’ yang mana semasa menunggang motosikal, anak-anak muda ini akan berhimpit-himpit untuk mara hadapan, mencelah, mencelok dan mengelencong untuk memotong kenderaan yang lebih besar (Ismail & Borhanuddin 2015).

Istilah Mat Rempit tidak wujud dalam kamus Bahasa Malaysia dan perkataan Mat Rempit sebenarnya diperkenalkan dan dipopularkan oleh media massa Malaysia yang mendedahkan fenomena kegilaan pembabitan anak muda dalam kegiatan lumba haram motosikal pada suatu masa dahulu (Ismail & Borhanuddin 2015). Mat Rempit adalah suatu istilah atau jolokan Malaysia kerana fenomena Mat Rempit hanya wujud di Malaysia sahaja. Istilah Mat Rempit berdasarkan temubual mendalam bersama responden berasal daripada gabungan tiga perkataan iaitu ‘Mat’, *remp* dan *it*. Istilah ‘Mat’ mendefinisikan seorang lelaki yang menunggang motosikal. Istilah *remp* pula adalah merujuk kepada pergerakan tangan kanan yang memulas pendikit atau *throttle* manakala istilah *it* ditujukan kepada pendikit atau *throttle* yang akan dipulas bagi menggerakkan sesebuah motosikal. Hasil penggabungan ketiga-tiga perkataan tersebut lahir suatu istilah yang baru selain ‘Mat Motor’ yang digunakan sebelum ini. Dalam kajian ini, istilah atau jolokan Mat Rempit mempunyai pelbagai versi dan pemahaman di kalangan ahli kumpulan Mat Rempit dan juga orang awam. Pengkaji dalam kajian berkenaan fenomena Mat Rempit mendefinisikan Mat Rempit sebagai seseorang yang mencebur diri dalam aktiviti lumba haram sepenuhnya sama ada sebagai pelumba haram, penonton, penganjur lumba haram dan sebagainya.

Subbudaya adalah satu segmen dalam masyarakat yang berkongsi corak tersendiri *mores*, *folkways* dan nilai yang membezakan mereka daripada corak keseluruhan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat (Giddens 2009; Keirns et al. 2013; Kendall 2014;

Macionis 2012; Schaefer 2011). Subbudaya yang muncul dapat dikenali melalui corak bahasa, norma-norma, nilai-nilai dan isbat sosial positif dan negatif untuk mengawal norma sosial yang diperakui sesuatu kumpulan (Giddens 2009; Keirns et al. 2013; Kendall 2014; Macionis 2012; McShane & Glinow 2018; Schaefer 2011). Istilah subbudaya telah acapkali digunakan oleh ahli sosiologi dan antropologi dalam pelbagai keadaan dan konteks yang mana mengundang kekeliruan dan kekaburan terhadap istilah tersebut (Wolfgang & Ferracuti 1982). Awalan 'sub' yang digunakan hanya merujuk kepada sebahagian daripada keseluruhan sesuatu seperti subbudaya yang hanya sebagai pecahan atau bahagian kecil yang lahir daripada konsep budaya. Penggunaan dan definisi subbudaya telah digunakan dalam pelbagai cara dan konteks bergantung kepada isu atau permasalahan yang difokuskan (Wolfgang & Ferracuti 2010).

Subbudaya adalah penyelesaian kolektif terhadap status permasalahan individu dan menghasilkan tingkah laku *non-utilitarian*, *malicious* dan *negativistic* (Cohen 1955). Definisi subbudaya ini lebih merujuk kepada subbudaya yang bersifat devian dan berdasarkan status ekonomi. Subbudaya devian juga adalah dipengaruhi oleh faktor keluarga (Walter Miller 1958). Istilah subbudaya juga dilihat telah terlalu lama dan seharusnya dipersembahkan dengan suatu konsep yang tidak terkongkong atau sempit dan seharusnya menekankan isi kandungan pembentukan identiti dan pilihan cara hidup (Martin 2009). Peranan subbudaya yang utama menurut penerangan di atas adalah sebagai suatu penyelesaian terhadap masalah dan pertentangan dalam anggapan masyarakat dan juga sebagai percubaan untuk merampas unsur-unsur kawalan dalam masyarakat dan seterusnya membentuk subbudaya yang mudah dilihat dan digunakan atau *conspicuous consumption* (Martin 2009; McArthur 2008).

Kewujudan subbudaya golongan muda adalah dipengaruhi oleh empat faktor iaitu keinginan dihargai daripada persekitaran sosial, keinginan dihargai oleh golongan lain, boleh mewujudkan hubungan dengan kumpulan rakan sebaya dan keinginan sama rata dengan golongan orang dewasa (Chaniago et al. 2018). Faktor-faktor yang menyokong kewujudan subbudaya masih lagi merujuk kepada penyelesaian kolektif terhadap pertentangan dengan budaya dominan oleh masyarakat arus perdana. Dalam kajian ini, kumpulan Mat Rempit cenderung memperlihatkan perbezaan tingkah laku melalui satu subbudaya dan selalunya mereka membentuk identiti tersendiri sebagai satu kumpulan. Kajian ini melihat subbudaya yang diamalkan oleh Mat Rempit bagi mengenal pasti keunikan yang dimiliki mereka.

Bahasa adalah suatu sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia iaitu di antara seorang individu dengan individu lain (Dewan Bahasa dan Pustaka 2013). Bahasa dari sudut maksud bidang sosiologi sebagai suatu sistem abstrak berkait terhadap maksud perkataan dan simbol bagi jumlah keseluruhan aspek-aspek budaya termasuk gerak tubuh dan komunikasi bukan lisan. Dalam kajian ini kumpulan Mat Rempit dilihat mempunyai satu bentuk bahasa yang di fahami oleh kumpulan mereka sahaja. Konsep bahasa dari perspektif subbudaya membantu Mat Rempit mempunyai identiti khusus dalam masyarakat dan keadaan tersebut membezakan individu atau kumpulan di luar kelompok mereka. Seterusnya bahasa-bahasa yang terhasil dapat dikategorikan berdasarkan corak penghasilan bahasa tersebut seperti bahasa campuran dan bahasa pelbagai maksud atau disebut makna slanga (Subet & Daud 2018).

Bahasa adalah fungsi penting budaya kerana menghasilkan konsep transmisi budaya (*cultural transmission*) iaitu proses di mana sesebuah generasi mewariskan budaya kepada generasi seterusnya (Keirns et al. 2013; Kendall 2014; Macionis 2012; Power 2010; Schaefer 2011). Komunikasi berlaku melalui sistem simbolik bahasa setiap masyarakat (Andersen et al. 2017; Doda 2005; Stolley 2005). Terdapat juga keadaan di mana sesebuah budaya di

pindahkan melalui ucapan (*oral cultural tradition*). Bahasa sama ada bahasa yang dipertuturkan atau bukan pertuturan membezakan manusia sebagai makhluk yang sedar diri, mempunyai keterbatasan dan unik sesama ahli masyarakat lain. Komunikasi menggunakan bahasa membolehkan perkongsiaan pengalaman, perasaan, dan pengetahuan berlaku. Hipotesis Safir-Whorf menjelaskan bahawa bahasa membentuk gambaran realiti sebenar pengucapnya di mana manusia berfikir menggunakan bahasa dan bahasa perlu lebih dahulu sebelum pemikiran (Andersen et al. 2017; Kendall 2014; Schaefer 2011; Stolley 2005). Bahasa mempunyai kuasa kerana maksud-maksud daripada bahasa halus dan berseni seterusnya memberi kesan terhadap keutamaan membuat pertimbangan, mempengaruhi tingkah laku dan interpretasi terhadap realiti sosial tetapi tidak untuk menentukannya.

Dalam kajian ini kumpulan Mat Rempit dilihat mempunyai satu bentuk bahasa yang di fahami oleh kumpulan mereka sahaja. Beberapa contoh perkataan yang memberikan maksud tertentu dalam konteks subbudaya kumpulan Mat Rempit adalah seperti *brother*, *lu*, *gua*, *awek*, *kasi panas*, *cikaro* dan sebagainya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian subbudaya bahasa ahli kumpulan Mat Rempit menggunakan data primer yang dikumpulkan daripada satu kerja lapangan di sekitar Ayer Keroh, Melaka melalui temubual mendalam dengan informan seramai tujuh orang. Informan adalah lelaki Melayu berumur di antara 16 hingga 26 tahun. Informan dalam kajian ini merupakan ahli kumpulan Mat Rempit yang terlibat dalam pelbagai aktiviti kumpulan seperti lumba haram, melepak, aksi akrobatik semasa menunggang motosikal di jalan raya dan sebagainya. Informan dipilih secara bertujuan di sekitar Ayer Keroh, Melaka semasa menjalankan aktiviti mereka. Temubual mendalam digunakan bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang subbudaya bahasa yang digunakan di kalangan ahli kumpulan Mat Rempit. Kajian ini turut menggunakan kaedah pemerhatian tidak ikut serta di mana pengkaji membuat pemerhatian di sepanjang aktiviti mereka tanpa terlibat secara langsung di dalam aktiviti yang dijalankan. Beberapa peralatan digunakan dalam merekodkan pemerhatian tersebut seperti kamera telefon bimbit, alat rakaman dan buku catitan. Penggunaan peralatan tersebut semasa proses pemerhatian disadari dan dalam pengetahuan informan dan ahli kumpulan Mat Rempit yang lain. Pengkaji bertemu dengan informan di beberapa tempat yang menjadi *port* atau lokasi yang sering menjadi tumpuan Mat-Mat Rempit seperti di Dataran Majlis Bandaraya Melaka, Pusat Perdagangan Dunia Melaka dan lain-lain kawasan di sekitar Ayer Keroh. Pengkaji turut menggunakan kaedah *judgemental* iaitu pemilihan melalui penampilan ciri-ciri Mat Rempit seperti cara berpakaian, pertuturan dan aktiviti khusus yang dilakukan ketika bersama dengan ahli kumpulan Mat Rempit. Kajian adalah berbentuk kualitatif. Maklumat atau data kualitatif yang diperolehi dianalisis secara deskriptif.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kumpulan Mat Rempit adalah kumpulan sosial dan devian yang mempunyai subbudaya tersendiri sebagai identiti sosial. Sebuah kumpulan yang mempunyai subbudaya dapat dizahirkan dengan empat elemen-elemen subbudaya iaitu bahasa, simbol, nilai dan norma. Kumpulan Mat Rempit mempunyai bahasa atau istilah yang dicipta dan digunakan dalam interaksi di kalangan ahli-ahli kumpulan. Bahasa-bahasa yang digunakan difahami umum atau



hanya boleh difahami dalam ruang lingkup aktiviti mereka. Terdapat juga istilah atau bahasa yang digunakan difahami oleh sesetengah kumpulan Mat Rempit tetapi tidak diketahui atau difahami oleh kumpulan Mat Rempit yang lain. Kewujudan bahasa khusus bertindak secara tidak langsung sebagai elemen keselamatan. Menurut Informan A dan Informan B:

Informan A:

Kadang-kadang ada benda-benda yang kita orang buat ni tak naklah sampai orang lain tahu, nanti kantai (tertangkap), pecah (rahsia terbongkar) tak pasal-pasal ada yang kena masuk dalam (ditahan pihak polis) ..... adalah bahasa kita orang guna, kadang-kadang kita orang jer yang faham, kadang entah kadang tak paham, ikut kau lah... *spy* (pemberi maklumat kepada PDRM) banyak.... Silap-silap belakang kau ni Jebon (polis), tak der lah dia orang *free-free* (secara langsung) jer dengar

Informan B:

Barang-barang yang kau nak *hello-hello* (maklumat yang hendak dikongsi) ni cakap jangan bendul macam pembaris... sebutlah (bahasa dan istilah) yang kita paham-paham jer dalam ni (dalam kalangan ahli kumpulan), tak ada ler yang tak patut tahu dia tahu

*Token* iaitu individu yang bertindak sebagai orang perantara atau yang membekalkan sesuatu keperluan yang diinginkan oleh ahli kumpulan Mat Rempit seperti dadah yang juga menggunakan istilah lain iaitu *popeye*. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa faktor seperti jenis kumpulan Mat Rempit yang disertai, jenis pekerjaan, lokasi tempat tinggal dan tahap keaktifan seseorang ahli kumpulan Mat Rempit dalam aktiviti mereka. Oleh yang demikian, secara tidak langsung, seseorang Mat Rempit perlu memperbaharui 'perbendaharaan kata' digunakan dalam kelompok mereka. Bahasa-bahasa yang digunakan membezakan mereka dengan kumpulan-kumpulan sosial dalam masyarakat dan juga ahli masyarakat dominan.

Contoh yang boleh dikenalpasti hasil daripada subbudaya bahasa atau istilah ahli kumpulan Mat Rempit adalah *cikaro* atau *bunga*. Bahasa atau istilah tersebut bermaksud teman wanita atau kekasih atau gelaran bagi seorang wanita yang mempunyai peranannya sendiri dalam aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit. Terdapat istilah bermaksud berbeza daripada maksud sebenar dalam masyarakat contohnya *makan ais krim*. *Makan ais krim* dalam masyarakat di fahami sebagai tingkah laku atau perbuatan menikmati makanan yang sejuk dan beku iaitu ais krim tetapi bagi ahli kumpulan Mat Rempit *makan ais krim* bermaksud tingkah laku atau perbuatan seks oral di antara seorang wanita dan seorang lelaki. Bahasa digunakan ahli kumpulan Mat Rempit mempunyai makna pelbagai. Makna-makna yang dibawa oleh istilah-istilah itu bergantung kepada beberapa faktor seperti situasi. Sebagai contoh istilah *panas* yang membawa makna barang curi sekiranya topik perbualan adalah berkaitan barang-barang curi atau menjadi permintaan tinggi seperti barang motosikal dan sebagainya. *Panas* juga boleh membawa makna perasaan marah atau rasa tidak puas hati yang timbul akibat daripada konflik di kalangan ahli kumpulan Mat Rempit atau boleh juga membawa makna sesuatu keadaan yang genting atau penting seperti terdapat sekatan lalu lintas oleh pihak berkuasa dan sebagainya. Istilah *panas* yang digunakan dalam masyarakat

membawa maksud sesuatu atau keadaan yang bersuhu tinggi. Perbincangan secara mendalam akan berkaitan subbudaya bahasa akan dipertontonkan dengan sesi temubual mendalam bersama responden kajian. Menurut Informan C:

Informan C:

Kadang-kadang masa ada *game* (lumba haram), ada jugak budak-budak yang nak *offer* barang panas-panas ni (barang curi)

Lumba haram boleh berlaku melalui perkataan yang digunakan yang membawa maksud 'jemputan berlumba' seperti 'Jom tiang', 'cucuk belakang', 'jangan makan asap', 'bakar line' dan *lain-lain*. Istilah 'tiang' merujuk kepada jarak lumba haram yang akan dilangsung. Kawasan yang dianggap berbahaya untuk lumba haram biasanya akan disedari dengan kehadiran pihak berkuasa seperti polis yang dipanggil *bond* (polis) atau 'kuda putih' (polis trafik). Kawasan dengan kehadiran pihak berkuasa dinamakan '*line* panas' manakala Kawasan yang selamat untuk aktiviti lumba haram dipanggil '*line clear*'. Semasa lumba haram kadangkala aksi-aksi berbahaya dipertontonkan dikhalayak ramai seperti *wheelie*, *corner lap* dan *wikang*. Aksi-aksi tersebut menonjolkan sifat 'kejantanan' seorang lelaki. Menurut Informan D dan Informan E:

Informan D:

Nak ikut jauh mana nak..... tak pun sampai mana nak *test*.... Ikut berapa tiang dia orang *decide*

Informan E:

*Racing* (lumba haram) tengah-tengah malam tengok siapa bakar *line*.... *line* panas pun kadang-kadang jadi jugak..., tu tengok mana yang hati kering macam kena bakau (bakar)... boleh lah

*Parkos* dan 'kacang' merupakan di antara istilah dalam penyalahgunaan dadah. *Parkos* adalah sebatian ubat batuk bersama minuman bergas seperti pepsi dan coke manakala 'kacang' adalah dadah seperti *eramin 5* dan *ecstasy*. Kadangkala dalam keadaan terdesak *parkos* boleh disediakan dengan menggantikan ubat batuk dengan Panadol tetapi kesannya tidaklah sehebat seperti yang asal. Tingkah laku dan emosi seseorang ahli kumpulan Mat Rempit juga boleh digambarkan dalam pelbagai istilah seperti 'lambung', *hot* atau *temper* yang bermaksud sedang marah, 'sada' bermaksud keadaan menunggu lama atau buang masa dan tingkah laku menipu menggunakan istilah seperti 'cheret', 'kencing' dan sebagainya. Menurut Informan F dan Informan G:

Informan F:

Adalah amik-amik sikit barang.. *stim* lebih kurang (khayal) ... lepas tu membongkang (baring dan tidur)... kalau kawan dah tiak (mempelawa), jalan... tak layan... *free-free* (langsung) kena sound (marah). Nak kata masyuk (asyik) sangat tak adalah... *eramin five* tu tak payah cerita lah... *stock*

(dadah) kadang panas kadang tak (berkaitan permintaan). Kalau kapal (penguatkuasa Agensi Anti Dadah Kebangsaan) tak langar (serbuan) lama tahan ler

Informan G:

Kena hadaplah..kau dah lambung (memulakan sesuatu tingkah laku provokasi), kau maki orang, kau acah-acah abang (merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa).. berani hadap ler... apa ada hal

## **KESIMPULAN**

Aktiviti dan tingkah laku ahli kumpulan Mat Rempit di Malaysia telah menjadi perhatian bukan sahaja masyarakat setempat khususnya di Negeri Melaka dan Ayer Keroh malahan pihak-pihak yang dilihat mengambil peluang menggunakan kumpulan ini untuk pelbagai objektif dan tujuan. Tujuan tersebut bukan hanya tertumpu kepada minat terhadap motosikal semata-mata tetapi terselit agenda-agenda lain seperti aktiviti berkaitan sosial dan rencana politik. Walaupun apa jua aktiviti yang melibatkan ahli kumpulan Mat Rempit telah dilaksanakan, masih terdapat lagi kelibat-kelibat mereka yang menceburkan diri dalam aktiviti lumba haram dan tingkah laku devian dalam masyarakat. Penglibatan ahli kumpulan Mat Rempit khususnya di Ayer Keroh, Melaka dan umumnya di Malaysia dalam aktiviti kumpulan sosial terutama lumba haram tidak melibatkan sesuatu undang-undang atau akta khusus berkenaan mereka. Sekiranya ahli kumpulan Mat Rempit melibatkan diri dalam aktiviti lumba haram dan berjaya diberkas atau ditahan semasa aktiviti mereka berlangsung, kebiasaannya tingkah laku atau kelakuan tersebut akan dirujuk kepada Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 (Pindaan 2013). Seksyen di bawah akta tersebut menjelaskan berkenaan perkara berhubung kesalahan 'memandu secara melulu dan merbahaya' (Undang-undang Malaysia 2006).

Ahli kumpulan Mat Rempit boleh dianggap sebagai kreatif dalam membezakan diri mereka dengan masyarakat konvensional melalui subbudaya bahasa yang dicipta dan dipraktikkan. Identiti sosial yang terbentuk melalui subbudaya bahasa menjadikan kumpulan Mat Rempit diiktiraf keberadaan mereka dalam masyarakat konvensional. Subbudaya bahasa seolah-olah sebagai salah satu kaedah perlindungan tidak langsung ahli kumpulan Mat Rempit dalam melakukan aktiviti mereka secara bebas dan berterusan atau disebut sebagai elemen keselamatan. Istilah atau bahasa kumpulan Mat Rempit juga secara tidak langsung berfungsi menggambarkan nilai keakraban dan rasa selesa semasa menjalankan aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit. Istilah dan bahasa yang digunakan hanya difahami maksud dan aplikasinya jika seseorang itu benar-benar berada dalam kalangan mereka. Hal ini menjelaskan amalan subbudaya bahasa berlaku dalam lingkungan ruang sosial ahli kumpulan Mat Rempit. Metod penciptaan subbudaya bahasa adalah pelbagai berdasarkan faktor lokaliti dan kekerapan penglibatan dalam aktiviti kumpulan sosial. Kadang-kala ahli kumpulan Mat Rempit tidak mengetahui asal usul perkataan yang digunakan kerana penggunaan adalah lebih kepada aplikasi penggunaan bahasa atau istilah itu di kalangan ahli kumpulan Mat Rempit. Pembentukan dan penciptaan bahasa dan istilah subbudaya memberi kesan terhadap kewujudan bahasa rojak, kata pinjaman daripada bahasa asing, singkatan dan slanga (Rokiah Ismail et al. 2010). Perbendaharaan kata bahasa Mat Rempit dalam kalangan ahli melibatkan proses pembelajaran sosial. Proses pembelajaran sosial berlaku di mana sesuatu bahasa atau



istilah itu digunakan kerana dipelajari atau diperturunkan daripada ahli kepada ahli yang lain. Oleh yang demikian subbudaya bahasa yang diamalkan dalam kalangan ahli kumpulan Mat Rempit perlu diterjemahkan atau diinterpretasikan dalam konteks ruang sosial kumpulan bagi mendapatkan pemahaman yang jelas berkaitan aktiviti sebenar mereka.

## **RUJUKAN**

- Andersen, M. L., Taylor, H. F. & Logio, K. A. (2017). *Sociology: The Essentials*, hlm. 9th Edisi . Boston: Cengage Learning.
- Chaniago, R. H., Wan Mahmud, W. A. & Abu Hassan, B. R. (2018). Pembentukan identiti wanita berhijab melalui fesyen sub-budaya muzik metal di Indonesia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 34(1): 97–114. doi:10.17576/JKMJC-2018-3401-06
- Cohen, A. K. (1955). *Delinquent Boys: The Culture of The Gang*. Toronto: The Free Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013). *Kamus Dewan*, hlm. 4th Edisi . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Doda, Z. (2005). *Introduction to Sociology*. Hawassa: Ethiopia Public Health Training Initiative.
- Giddens, A. (2009). *Sociology*, hlm. 6th Edisi . Cambridge: Polity Press.
- HanXiao@Indah. (2011). Kesan perbandaran ke atas gejala sosial melayu. *Journal of Human Capital Development* 4(2): 129–137.
- Hussin, Z. (2013). Faktor-faktor yang mempengaruhi “Mat Rempit” terlibat dalam tingkah laku agresif di Pulau Pinang. *Proceeding of the Global Conference on Business, Economics and Social Sciences (GBSR 2013)*, hlm. Vol. 2013, 25–26. Kuala Lumpur: World Research Conference.
- Hussin, Z. & Ahmad, S. R. (2017). Tipologi Kajian Literatur (2010-2017) Berkaitan Isu Lumba Haram Di Malaysia. *e-BANGI Journal* 16(8): 1–15.
- Ismail, R. & Borhanuddin, B. (2015). Istilah ‘Rempit’; Pengertian Dan Penggunaannya Dalam Isu Lumba Motorsikal Haram Di Malaysia. *Jurnal Psikologi TALENTA* 1(1): 69. doi:10.26858/talenta.v1i1.5233
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). *Penyiasatan Antara Banci*. Putrajaya. Retrieved from <http://www.statistics.gov.my>
- Keirns, N., Strayer, E., Griffiths, H., Cody-Rydzewski, S., Scaramuzzo, G., Sadler, T. & Vyain, S. (2013). *Introduction to Sociology*. Texas: OpenStax College.
- Kendall, D. 2014. *Sociology in Our Times: The Essentials*, hlm. 10th Edisi . Belmont: Thomson Nelson.
- Macionis, J. J. (2012). *Sociology*, hlm. 14th Edisi . New Jersey: Prentice Hall.
- Martin, G. (2009). Subculture, style, chavs and consumer capitalism: Towards a critical cultural criminology of youth. *Crime, Media, Culture* 5(2): 123–145. doi:10.1177/1741659009335613
- McArthur, J. A. (2008). Digital Subculture: A Geek Meaning of Style. *Journal of Communication Inquiry* 33(1): 58–70. doi:10.1177/0196859908325676
- McShane, S. L. & Glinow, M. A. Von. (2018). *Organizational Behavior: Emerging Knowledge, Global Reality*, hlm. 8th Edisi . New York: McGraw-Hill Education.
- Muhamad Fuad Abdul Karim, Rokiah Ismail & Mohamad Fauzi Sukimi. (2009). Sub-budaya Mat Rempit dan perubahan sosiobudaya Malaysian sociocultural change and the Mat Rempit sub-culture. *Malaysian Journal of Society and Space* 5(3): 26–43. Retrieved

- from <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/3.2009-3-rokiah-melayu-1.pdf>
- Power, L. (2010). Backpackers as a Subculture. *Limerick Student Journal of Sociology* 3(1): 25–36.
- Rokiah Ismail, Muhamad Fuad Abdul Karim & Zaidah Mustapha. (2010). Golongan muda Mat Rempit: Suatu Ekspresi Sub Budaya. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 5(1): 1–10.
- Schaefer, R. T. (2011). *Sociology*, hlm. 13th Edisi . New York: Mc Graw Hill.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah & Haris Abdul Wahab. (2005). Komuniti kediaman dan salah laku antisosial di kalangan kanak-kanak Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 16: 292–312.
- Stolley, K. S. (2005). *The Basics of Sociology*. London: Greenwood Press.
- Subet, M. F. & Daud, M. Z. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *Maltesas* 3(1): 29–43. doi:<https://doi.org/10.31226/osf.io/9qjpe>
- Undang-undang Malaysia Akta Pengangkutan Jalan 1987. , Undang-Undang Malaysia 1–63 (2006). Malaysia. Retrieved from <http://www.mot.gov.my/SiteCollectionDocuments/Darat/akta/Akta Pengangkutan Jalan 1987.pdf>
- Walter Miller. (1958). Lower Class Culture as a Generating Milieu of Gang Delinquency. *Journal of Social Issue* 14(3): 5–19.
- Williams, J. P. (2011). *Subcultural Theory*. Cambridge: Polity Press.
- Wolfgang, Marvin E. & Ferracuti, F. (2010). *The Subculture of Violence: Towards an Integrated Theory in Criminology*, hlm. 1st Edisi . New York: Routledge.
- Wolfgang, Marvon E. & Ferracuti, F. (1982). *The Subculture of Violence: Towards an Integrated Theory in Criminology*. Beverly Hill: Sage Publication.
- Wong, L. P. (2011). Socio-demographic and behavioural characteristics of illegal motorcycle street racers in Malaysia. *BMC public health* 11: 446. doi:10.1186/1471-2458-11-446
- Wong, L. P. (2012). Factors associated with illegal motorcycle street racing and help-seeking intention. *Behavioral medicine (Washington, D.C.)* 38(2): 54–63. doi:10.1080/08964289.2012.661804

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **MUHAMAD FUAD BIN ABDUL KARIM**

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
Universiti Teknologi MARA Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
fuad645@uitm.edu.my

### **MOHAMAD FAUZI SUKIMI**

Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
fauzi@ukm.edu.my